



جدوال وقت سمبهيغ

MEI 2024
SYAWAL 1445H - ZULKAEDAH 1445H
شوال ١٤٤٥هـ - ذو القعدة ١٤٤٥هـ

Hari	Masihi	Hijrah	الصبح	الشروق	الظهر	العصر	المغرب	العشاء
			Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isya`
Rabu	1	22	3.51	5.29	1.03	5.01	8.28	9.39
Khamis	2	23	3.49	5.27	1.03	5.02	8.29	9.40
Jumaat	3	24	3.46	5.25	1.02	5.02	8.31	9.42
Sabtu	4	25	3.44	5.23	1.02	5.03	8.33	9.44
Ahad	5	26	3.42	5.22	1.02	5.04	8.34	9.45
Isnin	6	27	3.40	5.20	1.02	5.04	8.36	9.47
Selasa	7	28	3.37	5.18	1.02	5.05	8.37	9.48
Rabu	8	29	3.35	5.16	1.02	5.06	8.39	9.50
Khamis	9	30	3.33	5.15	1.02	5.06	8.41	9.52
Jumaat	10	1	3.31	5.13	1.02	5.07	8.42	9.53
Sabtu	11	2	3.28	5.11	1.02	5.07	8.44	9.55
Ahad	12	3	3.27	5.10	1.02	5.08	8.45	9.56
Isnin	13	4	3.24	5.08	1.02	5.09	8.47	9.57
Selasa	14	5	3.23	5.07	1.02	5.09	8.48	9.58
Rabu	15	6	3.20	5.05	1.02	5.10	8.50	10.00
Khamis	16	7	3.19	5.04	1.02	5.10	8.51	10.02
Jumaat	17	8	3.16	5.02	1.02	5.11	8.53	10.04
Sabtu	18	9	3.15	5.01	1.02	5.12	8.54	10.05
Ahad	19	10	3.13	5.00	1.02	5.12	8.56	10.08
Isnin	20	11	3.11	4.58	1.02	5.13	8.57	10.09
Selasa	21	12	3.09	4.57	1.02	5.13	8.58	10.10
Rabu	22	13	3.08	4.56	1.02	5.14	9.00	10.13
Khamis	23	14	3.06	4.55	1.02	5.14	9.01	10.14
Jumaat	24	15	3.04	4.54	1.03	5.15	9.02	10.15
Sabtu	25	16	3.01	4.52	1.03	5.15	9.04	10.18
Ahad	26	17	3.00	4.51	1.03	5.16	9.05	10.19
Isnin	27	18	2.58	4.50	1.03	5.16	9.06	10.20
Selasa	28	19	2.57	4.49	1.03	5.17	9.07	10.22
Rabu	29	20	2.55	4.48	1.03	5.17	9.09	10.24
Khamis	30	21	2.55	4.48	1.03	5.18	9.10	10.25
Jumaat	31	22	2.53	4.47	1.03	5.18	9.11	10.27



Early May Bank Holiday
(Hari Isnin, 06 Mei 2024M bersamaan 27 Syawal 1445H)



Spring Bank Holiday
(Hari Isnin 27 Mei 2024M bersamaan 18 Zulkaedah 1445H)



Hari Ulangtahn ABDB
(Hari Jumaat, 31 Mei 2024M bersamaan 22 Zulkaedah 1445H)

PENGUNAAN INFORMASI TEKNOLOGI MAKLUMAT

Dengan terciptanya alat komunikasi untuk berhubung seperti komputer dan telefon bimbit melalui internet, Whatsapp, Instagram, Twitter dan sebagainya, kita dapat menerima, melihat dan mendengar maklumat yang disebarkan dalam sekelip mata sahaja. Ia memudahkan kita untuk berkongsi maklumat, dan berita tersebut kemana sahaja dengan cepat dan pantas sehingga kadangkala kita terlupa untuk menapis dan memastikan terlebih dahulu kesahihannya. Ketahuilah, dunia kini sinonim dengan perkataan tular dan viral. Media sosial dan media baharu menjadi media bagi para pengguna memviralkan, menularkan dan menyebarkan berita dengan begitu cepat dan meluas sama ada dalam bentuk cerita, berita, video mahupun gambar. Kini ramai orang mahu menjadi antara orang yang terawal dan paling cepat berkongsi atau menyebarkan sesuatu perkara, maklumat dan berita. Namun apa yang membimbangkan, berita atau maklumat tersebut dikongsi tanpa menyelidiki terlebih dahulu kesahihannya.

Sama-samalah kita mengambil langkah berjaga-jaga supaya jangan sampai setiap perkara, maklumat, berita atau perkhhabaran yang diperolehi tanpa sebarang asas atau bukti yang kukuh itu ditular dan diviralkan tanpa usul periksa atau tabayyun iaitu menyelidiki dan menyasat kesahihannya. Semuanya itu boleh mengundang kepada fitnah, permusuhan, perselisihan dan sebagainya.

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

Sesungguhnya seorang hamba apabila menuturkan satu perkataan yang tidak dipastikan kebenarannya terlebih dahulu, akan membawanya ke neraka yang jaraknya lebih jauh dari jarak antara timur dan barat.

Sebagai manusia biasa, kita mudah alpa akan panduan dan batas-batas yang digariskan oleh agama Islam. Kita terlupa akan dosa dan pahala sehingga ada terdapat segelintir individu yang menggunakan media sosial dan media baharu sebagai medan atau tempat untuk menabur fitnah dan berniat jahat untuk menjatuhkan maruah atau mendedahkan keaiban seseorang dengan mencipta atau mereka-reka sesuatu perkara yang tidak benar.

Daripada Abdul Rahman bin Ghanim RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: **Sekeji-keji manusia ialah mereka yang berjalan menabur fitnah, mereka yang melaga-lagakan antara insan yang berkasih sayang dan mereka yang mencari-cari kesalahan terhadap orang yang tidak bersalah.**

Petikan Khutbah Jumaat 19 Julai 2019

